

BAB EMPAT

ANALISIS DAN DAPATAN

4.1 PENDAHULUAN

Data-data yang diperoleh daripada karangan pelajar dan temubual dengan guru mata pelajaran Bahasa Cina dan pelajar terpilih dianalisis untuk menjawab soalan kajian. Penentuan salah tulis dan salah guna perkataan adalah berdasarkan Buku Panduan Standardisasi Tulisan Han (汉字正字手册) yang dihasilkan oleh Fu Yonghe, Fei Jinchang dan Sun Jianyi pada tahun 1985. Kesalahan yang sama atau diulang dalam sesebuah karangan dikira sebagai satu kesalahan sahaja.

Untuk mengira peratus kesalahan, kaedah ini digunakan:-

$$\% \text{ kesalahan} = \frac{\text{Jumlah kesalahan (salah tulis / salah guna)} \times 100\%}{\text{Jumlah besar kesalahan (salah tulis + salah guna)}}$$

Untuk mengira purata kesalahan dalam setiap karangan, kaedah ini digunakan:-

$$\text{Setiap karangan} = \frac{\text{Jumlah kesalahan}}{\text{Jumlah karangan}}$$

Penganalisisan data dalam bab ini dijalankan untuk menjawab soalan-soalan kajian seperti mana yang dinyatakan dalam bab satu.

4.2 **ADAKAH TERDAPAT PERBEZAAN DARI SEGI JUMLAH KESALAHAN ANTARA SALAH TULIS PERKATAAN DENGAN SALAH GUNA PERKATAAN DALAM KARANGAN PELAJAR TINGKATAN SATU?**

Salah tulis dan salah guna perkataan yang telah dilakukan oleh pelajar dalam karangan dapat dilihat dalam Jadual 2 berikut:-

Jadual 2: Jumlah dan Peratus Kesalahan Salah Tulis dan Salah Guna Perkataan

Jenis Kesalahan	Jumlah Kesalahan	Peratus Kesalahan(%)	Purata Jumlah Kesalahan dalam Setiap Karangan
Salah Tulis	80	27.03	0.50
Salah Guna	216	72.97	1.35
Jumlah	296	100.00	1.85

Daripada jadual, didapati jumlah kesalahan yang telah dikenalpasti dalam 160 buah karangan yang ditulis oleh 40 orang pelajar ialah 296 kesalahan. Daripada jumlah ini, 80 kesalahan merupakan salah tulis perkataan manakala salah guna perkataan pula mencatat 216 kesalahan. Jika dilihat dari segi peratusan kesalahan, kedua-dua kesalahan ini masing-masing ialah 27.03% dan 72.97%. Ini bermakna jumlah salah guna perkataan adalah lebih tinggi daripada jumlah salah tulis perkataan.

Jadual ini juga menunjukkan bahawa daripada sejumlah 160 buah karangan, purata kesalahan yang dilakukan dalam setiap karangan ialah 1.85 kesalahan, yakni 0.50 kesalahan bagi salah tulis perkataan dan 1.35 kesalahan bagi salah guna perkataan. Ini juga bererti bahawa salah guna perkataan melebihi salah tulis perkataan dalam setiap karangan.

4.3 **APAKAH JENIS-JENIS SALAH TULIS DAN SALAH GUNA PERKATAAN YANG DILAKUKAN OLEH PELAJAR DALAM KARANGAN?**

4.3.1 **Salah Tulis Perkataan**

Salah tulis perkataan merujuk kepada perkataan yang disalahtuliskan oleh pelajar, sama ada kurang atau lebih ‘stroke’, ataupun salah radikal atau komponen. Perkataan-perkataan ini tidak terdapat dalam mana-mana kamus bahasa Cina. Data-data tentang jenis-jenis salah tulis perkataan yang dilakukan oleh pelajar dapat dilihat dalam Jadual 3 berikut:

Jadual 3 : Jumlah dan Peratus Kesalahan bagi Salah Tulis Perkataan

Jenis Kesalahan	Jumlah Kesalahan	Peratus Kesalahan(%)
Kesalahan Radikal atau Komponen (偏旁或部件之误)	35	43.75
Berlebihan 'Stroke' (加笔之误)	18	22.50
Kekurangan 'Stroke' (缺笔之误)	17	21.25
Lain-lain (其他错误)	10	12.50
Jumlah	80	100.00

Jadual 3 menunjukkan jumlah dan jenis-jenis salah tulis perkataan yang telah dilakukan oleh pelajar. Daripada jumlah 80 salah tulis perkataan, 35 kesalahan atau 43.75% ialah salah dari segi radikal atau komponen. Bagi kesalahan dari segi berlebihan ‘stroke’ dan kekurangan ‘stroke’ pula masing-masing ialah 18 kesalahan dan 17 kesalahan atau 22.50% dan 21.25%. Kesalahan lain yang tidak dapat dimasukkan ke dalam tiga kategori tersebut pula ialah 10 kesalahan atau 12.50%.

Berikut ialah contoh-contoh kesalahan yang telah dilakukan oleh pelajar :-

(a) Kesalahan Radikal atau Komponen

<u>Salah</u>	<u>Betul</u>	<u>Bunyi</u>	<u>Makna</u>
(辻) 街	逛 街	guangjie	berjalan-jalan
(失) 少	缺 少	queshao	kekurangan
牙(膏)	牙 膏	yagao	ubat gigi
圣(诞)	圣 诞	shengdan	Krismas

(b) Kesalahan Berlebihan ‘Stroke’

<u>Salah</u>	<u>Betul</u>	<u>Bunyi</u>	<u>Makna</u>
(厚)	厚	hou	tebal
(烧)	烧	shao	bakar
(廁) 所	廁 所	cesuo	tandas
(观) 赏	观 赏	guanshang	menonton
(昨) 天	昨 天	zuotian	semalam

(c) Kesalahan Kekurangan ‘Stroke’

<u>Salah</u>	<u>Betul</u>	<u>Bunyi</u>	<u>Makna</u>
(折)升	折升	chaikai	menanggalkan
眼(泪)	眼泪	yanlei	air mata
(勿)忙	匆忙	congmang	tergesa-gesa
关(系)	关系	guanxi	hubungan
残(暴)	残暴	canbao	zalim

(d) Kesalahan-kesalahan Lain

Kesalahan-kesalahan lain yang tidak boleh dimasukkan ke dalam kategori di atas telah dimasukkan ke dalam kategori ini. Antara kesalahan yang termasuk dalam kategori ini ialah kegagalan meletakkan radikal atau komponen pada tempat yang betul atau sesuai, meringkaskan perkataan dengan sewenang-wenangnya, pengaruh perkataan yang terletak sebelum atau selepas sesuatu perkataan dan mencipta perkataan sendiri.

(i) Kegagalan Meletakkan Radikal atau Komponen pada Tempat yang Betul (移动位置)

<u>Salah</u>	<u>Betul</u>	<u>Bunyi</u>	<u>Makna</u>
(猛烈	猛烈	menglie	kuat
(厨)房	厨房	chufang	dapur
(薄)	薄	bao	nipis
(夜)	夜	ye	malam
沟(渠)	沟渠	gouqu	longkang

(ii) Meringkaskan Perkataan dengan Sewenang-wenangnya (随意简化)

<u>Salah</u>	<u>Betul</u>	<u>Bunyi</u>	<u>Makna</u>
(类)	类	lei	jenis

(iii) Pengaruh Perkataan yang terletak Sebelum atau Selepas Sesuatu Perkataan (类化 / 上下字影响)

<u>Salah</u>	<u>Betul</u>	<u>Bunyi</u>	<u>Makna</u>
蔓延(延)	蔓延	manyanyan	merebak
记(录)	记录	jilu	mencatat
结(结)	结婚	jiehun	berkahwin

(iv) Mencipta Perkataan Sendiri (自造字)

<u>Salah</u>	<u>Betul</u>	<u>Bunyi</u>	<u>Makna</u>
(宠从)坏	宠坏	chonghuai	terlalu sayang

4.3.2 Salah Guna Perkataan

Salah guna perkataan dalam kajian ini merujuk kepada perkataan yang disalahgunakan dalam konteks ayat tertentu. Perkataan tersebut mungkin sama bunyi atau hampir sama bunyi, hampir sama bentuk, ataupun hampir sama bunyi dan bentuk dengan

perkataan yang betul. Jenis-jenis kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dapat dilihat dalam Jadual 4 berikut:

Jadual 4 : Jumlah dan Peratus Kesalahan bagi Salah Guna Perkataan

Jenis Kesalahan	Jumlah Kesalahan	Peratus Kesalahan (%)
Bentuk Hampir Sama (形近之誤)	27	12.50
Bunyi Hampir Sama (音近之誤)	113	52.31
Bunyi dan Bentuk Hampir Sama (形音相近之誤)	62	28.70
Lain-lain (其他錯誤)	14	6.48
Jumlah	216	100.00

Jadual 4 menunjukkan jumlah dan jenis-jenis salah guna perkataan yang telah dilakukan oleh pelajar. Jumlah kesalahan yang telah dilakukan oleh pelajar ialah 216 kesalahan. Daripada jumlah ini, 113 kesalahan atau 52.31% ialah kesalahan yang dilakukan kerana bunyi perkataan yang hampir sama. Kesalahan yang disebabkan oleh bentuk perkataan yang hampir sama pula mencatat 27 kesalahan atau 12.50% manakala kesalahan yang disebabkan bunyi dan bentuk yang hampir sama pula ialah 62 kesalahan atau 28.70%. Selain itu, terdapat juga kesalahan-kesalahan yang tidak dapat dimasukkan ke dalam ketiga-

tiga kategori tersebut. Jumlah kesalahan yang termasuk dalam kumpulan ini ialah 14 kesalahan atau 6.48% daripada jumlah keseluruhan.

Berikut ialah contoh-contoh kesalahan yang dipetik daripada karangan pelajar:-

(a) Kesalahan kerana Bentuk Perkataan yang Hampir Sama (形近之误)

<u>Salah</u>	<u>Betul</u>	<u>Bunyi</u>	<u>Makna</u>
(已)经	已经	yijing	telah
(斯)骗	欺骗	qipian	menipu
(乘)巧	乖巧	guaiqiao	tidak jahat
对(侍)	对待	duidai	melayan
球(娄)	球类	qiulei	permainan bola

(b) Kesalahan kerana Bunyi Perkataan yang Hampir Sama (音近之误)

<u>Salah</u>	<u>Betul</u>	<u>Bunyi</u>	<u>Makna</u>
(卫)大	伟大	weida	agung
(须)要	需要	xuyao	perlu
(做)位	座位	zuowei	tempat duduk
工(做)	工作	gongzuo	pekerjaan
开(时)	开始	kaishi	bermula

(c) Kesalahan kerana Bentuk dan Bunyi Perkataan yang Hampir Sama
(形音相近之误)

<u>Salah</u>	<u>Betul</u>	<u>Bunyi</u>	<u>Makna</u>
(忧)美	优美	youmei	cantik
寂(莫)	寂寞	jimo	sunyi
猛(列)	猛烈	menglie	kuat
(蕉)味	蕉味	jiaowei	bau hangus
(蓝)球	篮球	lanqiu	bola keranjang

(d) Kesalahan-kasalahan Lain (其他错误)

Kesalahan-kesalahan yang tidak dapat dikategorikan ke dalam tiga kumpulan di atas ialah kesalahan menggunakan perkataan, menggunakan *hanyu pingyin* untuk menggantikan sesuatu perkataan, pengaruh perkataan yang terletak sebelum atau selepas sesuatu perkataan.

(i) Kesalahan Penggunaan Perkataan

<u>Salah</u>	<u>Betul</u>	<u>Bunyi</u>	<u>Makna</u>
(欣)赏	观赏	guanshang	menonton
(猛)然	突然	turan	tiba-tiba
礼(貌)	礼物	liwu	hadiah

(ii) Menggunakan Hanyu Pinyin untuk Menggantikan Sesuatu Perkataan
(用汉语拼音代替)

<u>Salah</u>	<u>Betul</u>	<u>Bunyi</u>	<u>Makna</u>
Shi 仪	司仪	siyi	juru acara
名 yu	名誉	mingyu	nama baik

(iii) Kesalahan yang Disebabkan Pengaruh Perkataan yang Terletak Sebelum atau Selepas Sesuatu Perkataan (类化 / 上下字影响)

<u>Salah</u>	<u>Betul</u>	<u>Bunyi</u>	<u>Makna</u>
(按)排	安排	anpai	mengatur

4.3.3 Kesalahan yang Tinggi Kekerapan

Terdapat beberapa patah perkataan yang sering disalahtuliskan atau disalahgunakan oleh pelajar. Perkataan yang tinggi kekerapan kesalahan ini termasuk kata ‘你’ yang disalahtuliskan sebagai ‘尔’. Kata-kata yang sering disalahgunakan oleh pelajar pula adalah seperti ‘已经’ yang sering digunakan sebagai ‘已经’ atau ‘已经’, ‘在’ yang digunakan sebagai ‘再’, ‘得’ yang disamakan penggunaannya dengan ‘的’ atau sebaliknya.

4.4 APAKAH FAKTOR-FAKTOR YANG MENYEBABKAN PELAJAR MELAKUKAN SALAH TULIS DAN SALAH GUNA PERKATAAN?

Sebanyak empat orang guru yang mengajar kelas sampel dan sepuluh orang pelajar terpilih telah ditemubual untuk mendapat pandangan tentang faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya salah tulis dan salah guna perkataan.

Semua guru dan pelajar yang ditemubual berpendapat bahawa salah satu faktor penting yang menyebabkan pelajar melakukan salah tulis dan salah guna perkataan ialah perkataan-perkataan Cina terlalu kompleks dan susah untuk dikuasai penulisannya. Mereka berpendapat bahawa perkataan Cina terlalu banyak ‘stroke’ dan banyak radikal atau komponen yang perlu diingati dan dihafal. Ini menyebabkan mereka sering lupa akan cara betul menulis sesuatu perkataan.

Pelajar yang ditemubual juga mengatakan bahawa mereka senantiasa melakukan kesalahan kerana terdapat banyak perkataan yang hampir sama bentuk atau sama bunyi malahan ada yang kedua-dua bentuk dan bunyinya hampir sama. Mereka berasa keliru apabila hendak menggunakan perkataan-perkataan tersebut. Sehubungan itu, mereka menggunakan perkataan berdasarkan tanggapan dan ingatan mereka.

Ada enam orang pelajar yang ditemubual mengakui bahawa mereka tidak mengambil berat tentang penulisan dan penggunaan perkataan. Mereka malas merujuk kamus atau menanya seseorang apabila menemui perkataan yang tidak tahu ditulis atau

perkataan yang kurang pasti penggunaannya. Kenyataan ini disokong oleh keempat-empat orang guru yang ditemubual. Mereka mendapati bahawa sesetengah pelajar tidak membuat pembetulan walaupun beberapa kali diberi amaran.

Selain itu, guru-guru yang ditemubual mengatakan bahawa media cetak seperti majalah dan surat khabar juga banyak mempengaruhi pelajar dalam penggunaan sesetengah perkataan. Perkataan -perkataan yang tidak standard yang hanya wujud dalam bahan-bahan tersebut sering dijumpai dalam karangan pelajar.

Berkenaan dengan pengajaran guru, pelajar mendapati ada kalanya guru mereka tidak menjelaskan sebab salah tulis perkataan dan salah guna perkataan yang dilakukan oleh mereka. Guru hanya menyuruh mereka menghafal cara menulis perkataan tersebut dan menyuruh mereka membuat pembetulan sebanyak lima kali bagi setiap perkataan yang telah disalah tuliskan atau disalahgunakan.

4.5 KESIMPULAN

Berdasarkan penganalisisan data yang dikumpulkan, maka dapatlah dilihat jenis-jenis salah tulis dan salah guna perkataan yang dilakukan oleh pelajar dalam karangan mereka. Daripada dapatan yang ditunjukkan, didapati bahawa salah guna perkataan adalah melebihi salah tulis perkataan dengan nisbah 2.7:1. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa purata kesalahan dalam setiap karangan ialah 1.85. Melalui temubual

dengan empat orang guru dan sepuluh orang pelajar terpilih, faktor-faktor yang menyebabkan pelajar banyak melakukan kesalahan tersebut telah dikenal pasti. Faktor-faktor tersebut ialah faktor kekompleksan perkataan Cina, faktor psikologi, faktor media cetak, faktor pengajaran guru dan faktor sikap pelajar.